



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,  
Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800  
Fax. : 09-513 4839  
Email : pkn@pahang.gov.my

**#MajuTerusPahang #Pahang1<sup>st</sup>**

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 3 (29)  
Tarikh : 21 Julai 2025

## SENARAI EDARAN

YH Dato'/ Tuan/ Puan,

### PERATURAN PEROLEHAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN WP 7.5 PINDAAN 1 JULAI 2025

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YH Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak YH Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri telah bersetuju mengguna pakai pekeliling perolehan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Namun ianya tertakluk kepada arahan/ kawalan dalaman yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri.
3. Oleh itu, Pekeliling WP 7.5 Peraturan Perolehan Badan Berkanun hendaklah dipakai dan dipatuhi sepenuhnya dengan pindaan dan penambahbaikan seperti berikut:

Perenggan 3.6 Rundingan Terus dan Tender Terhadap

3.6.1 Dana Kerajaan Persekutuan (sebahagian/sepenuhnya)	3.6.2 Dana Dalaman BBP
a) <b>Tatacara kaedah rundingan terus hendaklah mematuhi PP/PK 2.4 dan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus perolehan di peringkat BBP. Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang di buat.</b>	a) Sama seperti ketetapan di perenggan 3.6.1
b) Kaedah Tender terhadap adalah tidak dibenarkan.	b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang di buat.


Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 3 (29)  
Tarikh : 21 Julai 2025

4. Perhatian dan kerjasama pihak YH Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI FADZILLA BIN HAJI SALLEH, DSAP., DIMP., SMP., AAP)**  
**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**  
**PAHANG DARUL MAKMUR**